

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

Fasa 4 sasar Zon Merah, kawasan risiko tinggi

Usaha kerajaan putuskan penularan, turunkan kes dengan cepat

Oleh Latifah Arifin
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menyasar suntikan vaksin di semua Zon Merah dan kawasan berisiko tinggi dalam Fasa 4 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK).

Penduduk di lokaliti yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dan kluster kes pula akan diberi vaksin sebaik sahaja habis tempoh kuarantin atau PKPD serta disahkan negatif COVID-19 sebanyak dua kali.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata ia amat

penting untuk memutuskan rantaian penularan jangkitan di kawasan terbabit dan pada masa yang sama dapat menurunkan kes COVID-19 dengan lebih cepat.

"Strategi Fasa 4 PICK adalah bagi kawalan wabak di kawasan merah dan kawasan yang berisiko tinggi.

"Bagi kawasan yang melaksanakan PKPD dan kluster kes, mereka akan diberi vaksin sebaik sahaja mereka habis tempoh kuarantin serta telah disahkan negatif COVID-19 sebanyak dua kali," katanya kepada BH, semalam.

Beliau berkata, KKM juga mencadangkan semua negeri untuk melaksanakan perancangan vaksinasi dalam lingkungan kawasan sekitar PKPD dan kluster bagi memutuskan rantaian jangkitan di kawasan yang kerap berlakunya wabak/kluster atau berada dalam situasi berisiko tinggi bagi tempoh yang lama.

Beliau berkata demikian ketika mengulas saranan pakar virologi supaya kerajaan mengubah strategi pemberian vaksin COVID-19 dengan mempercepatkan vaksinasi di negeri atau lokaliti berisiko tinggi dengan kepadatan penduduk lebih tinggi seperti Kuala Lumpur dan Selangor.



Dr Adham Baba

Dr Adham berkata, Selangor dan Kuala Lumpur akan terus menjadi penerima utama bekalan vaksin COVID-19 berbanding negeri lain, mengambil kira jumlah kes harian direkodkan ketika ini antara tertinggi dalam negara.

Katanya, inisiatif itu sudah dilaksanakan melalui PICK dan akan ditingkatkan mulai bulan ini.

"Kawasan berisiko tinggi dikenal pasti melalui penilaian risiko yang dijalankan bagi negeri-negeri dan daerah sejak akhir April dan agihan vaksin juga me-

ngambil kira hasil penilaian risiko yang dijalankan.

"Selangor dan Kuala Lumpur adalah penerima bekalan vaksin yang tertinggi berbanding dengan negeri lain sejak awal pelaksanaan PICK lagi," katanya.

Dr Adham berkata, aktiviti imunisasi di sekitar Lembah Klang kini dirancarkan dengan pembukaan pusat pemberian vaksin (PPV) AstraZeneca dan PPV mega.

Mengulas lanjutan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 selama dua minggu lagi, beliau berharap ia dimanfaatkan bersama oleh semua agensi berkaitan, pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), komuniti dan individu untuk memainkan peranan masing-masing bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

"Masyarakat yang layak menerima vaksinasi disarankan mendaftarkan diri bagi mendapatkan vaksin COVID-19 untuk pembentukan imuniti kelompok sekali gus melindungi golongan yang berisiko tinggi dan golongan yang tidak dapat menerima vaksin," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Isu gelang merah jambu tak cukup diperjelas

Tumpat: Isu bekalan gelang merah jambu didakwa tidak mencukupi ketika ujian calitan COVID-19 diadakan untuk penduduk Kampung Kutan Tengah yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), di sini, timbul berikutan penduduk dari dua perkampungan berhampiran turut hadir menjalani saringan itu.

Pengarah Kesihatan negeri, Datuk Dr Zaini Hussin, ketika menjelaskan perkara itu berkata, pihaknya menyediakan kira-kira

1,000 gelang merah jambu bagi menampung keperluan penduduk Kampung Kutan Tengah berjumlah 990 orang, pada sesi ujian calitan itu yang berlangsung di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kutan, bermula Khamis lalu hingga kelmarin.

"Bagaimanapun, penduduk yang hadir bukan saja dari Kampung Kutan Tengah tetapi juga Kampung Kutan Hilir dan Kutan Hulu.

"Hingga kini, seramai 1,198 individu hadir menjalani ujian ca-

litan, termasuk 208 dari dua perkampungan berhampiran itu yang tidak terabit PKPD.

"Kami memang ada senarai nama penduduk dalam lokaliti PKPD. Apabila mereka datang beramai-ramai, kami tetap menjalankan ujian calitan yang menyebabkan gelang merah jambu tidak mencukupi," katanya ketika dihubungi, semalam.

Namun, Dr Zaini berkata, masalah itu berjaya diselesaikan segera dengan penambahan gelang berkenaan.

Isu kekurangan gelang merah jambu itu tular apabila ada pihak membangkitkannya melalui hantaran dalam laman sosial, malah mendakwa PKPD di kawasan terabit tidak ditangani secara serius.

Mengulas lanjut, Dr Zaini memaklumkan setakat kelmarin, 20 individu dikesan positif COVID-19, termasuk dari luar lokaliti PKPD Kampung Kutan Tengah, Mukim Wakaf Bharu.

Bagi PKPD di Kampung Ketil, Mukim Pengkalan Kubor pula,

seramai 792 daripada keseluruhan 1,357 penduduk sudah menjalani ujian calitan dengan seorangan dikesan positif COVID-19.

Beliau berkata, ujian calitan diteruskan semalam berikutan masih ramai penduduk lokaliti itu masih belum disaring.

"Kita juga mendapatkan bantuan daripada pemimpin setempat dan agensi berkaitan untuk kelancaran proses ujian calitan membabitkan hampir separuh lagi penduduk Kampung Ketil," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

15 daripada 24 kluster baharu kes di tempat kerja

Bilangan pesakit sembuh kian bertambah, 8,334 dicatat semalam

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam mengenal pasti 24 kluster baharu dengan 15 daripadanya adalah berkaitan tempat kerja, tujuh kluster komuniti manakala dua lagi kluster pusat tahanan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Noor Hisham Abdullah, berkata sebanyak 2,462 kluster dikesan setakat ini dengan 1,701 kluster sudah ditamatkan dan 761 kluster masih aktif.

Katanya, 24 kluster baharu berkenaan dilaporkan di Selangor, Pahang, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Johor, Sabah, Kuala Lumpur, Terengganu, Kedah, Kelantan dan Sarawak.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, sekali lagi bilangan

kes sembuh daripada COVID-19 tertinggi dilaporkan semalam iaitu sebanyak 8,334 berbanding 7,749 kelmarin. Hingga kini sebanyak 572,113 kes atau 87.7 peratus daripada keseluruhan kes jangkitan COVID-19 sudah sembuh sepenuhnya.

Kes positif baharu pula turut menunjukkan sedikit penurunan setakat tengah hari semalam apabila sebanyak 5,793 dilaporkan berbanding 6,849 kelmarin.

Kes positif baharu berkenaan menjadikan jumlah kes keseluruhan di negara ini kini, 652,204 manakala kes aktif dengan kebolehjangkitan ialah 76,247.

Katanya, daripada 5,793 kes positif baharu semalam, enam daripadanya adalah kes import membabitkan empat warganegara dan dua bukan warganegara.

Sebanyak 5,787 kes lagi adalah penularan tempatan dengan 4,851 warganegara (83.8 peratus) dan 936 bukan warganegara (16.2 peratus).

Dr Noor Hisham berkata, kes po-

sitif baharu di Selangor semalam turun ke bawah 2,000 apabila sebanyak 1,582 kes dilaporkan.

Ia disusuli Negeri Sembilan dengan sebanyak 618 kes; Sarawak (569); Kuala Lumpur (559) dan Johor (504).

Seramai 914 kes kini dirawat di unit rawatan rapi (ICU) dengan 459 memerlukan alat bantuan pernafasan.

Sebanyak 76 kematian juga dilaporkan semalam menjadikan jumlah keseluruhan kes kematian adalah 3,844.

Kes kematian semalam membabitkan 27 di Selangor; masing-masing sembilan di Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan; Johor (6);

masing-masing lima kes di Sabah dan Melaka; Sarawak (4); Kelantan (3); Kedah (2) serta masing-masing satu kes di Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Labuan. Semua kes kematian membabitkan warganegara berusia antara 31 hingga 101 tahun.

Sementara itu, Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Sarawak melaporkan dua daripada tiga kluster baharu yang

diisytiharkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak semalam membabitkan sambutan Hari Gawai baru-baru ini.

Menurut JPBN, Kluster Kampung Sebandi Hilir adalah satu kluster komuniti yang dikesan membabitkan Kampung Sebandi Hilir di daerah Lundu yang terletak di Barat Daya Bahagian Kuching, berpunca perhimpunan upacara 'miring' pada 31 Mei lalu sempena sambutan pra-Gawai.

Seramai 34 individu disaring dengan sembilan kes telah dikesan positif COVID-19 termasuk kes indeks manakala 25 kes didapati negatif.

Kluster Melatai pula adalah satu kluster komuniti yang dikesan melibatkan penempatan di kawasan Melatai, Jalan Selirik, Kapit, kira-kira 427 kilometer dari Kuching, yang berpunca daripada pergerakan sosial dan aktiviti kunjung-mengunjung semasa sambutan Hari Gawai.

"Sejumlah 139 individu telah disaring di mana 45 kes dikesan positif COVID-19 termasuk kes indeks, 23 kes didapati negatif dan 71 kes masih menunggu keputusan makmal," kata kenyataan itu.



Dr Noor Hisham Abdullah

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

Jumlah tertinggi pernah dilaporkan di negara ini sejak pandemik

Kes sembuh melebihi 8,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Jumlah pesakit sembuh terus mencatatkan peningkatan dan sekali lagi merekodkan angka tertinggi dengan 8,334 orang semalam.

Angka itu sekali gus mengatasi kes pesakit baharu yang mencatatkan sebanyak 5,793 orang.

Itu menjadikan jumlah pesakit sembuh sepenuhnya daripada Covid-19 di seluruh negara sebanyak 572,113 orang, manakala pesakit dilaporkan positif pula kini mencecah 652,204 orang.

Dalam masa sama, kes aktif dengan kebolehhangkitan Covid-19 merekodkan sebanyak 76,247 kes termasuk 914 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi, manakala 459 kes pula memerlukan bantuan pernafasan.

Terdapat 76 lagi kes kematian Covid-19 kesemuanya warga tempatan berusia antara 31 hingga 101 tahun di Selangor, Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Johor, Sabah, Melaka, Sarawak, Kelantan, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Pahang dan Labuan menjadikan sebanyak 3,844 kes kematian sehingga kini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes harian semalam, Selangor merekodkan sebanyak 1,582 kes, diikuti oleh Negeri Sembilan sebanyak



SEORANG lelaki menerima suntikan vaksin di dalam sebuah bas yang digunakan sebagai pusat vaksin bergerak sempena kempen Vaksinasi Covid-19@Wilayah Prihatin di Flat Sri Johor, Cheras, semalam. – AFIQ RAZALI

618 kes dan Sarawak sebanyak 569 kes.

"Seterusnya, Kuala Lumpur (559 kes), Johor (504 kes), Sabah (378 kes), Kelantan (337 kes), Labuan (250 kes), Perak (218 kes), Pulau Pinang (198 kes), Melaka (178 kes), Kedah (171 kes) dan Pahang (121 kes).

"Terengganu pula mencatat-

kan sebanyak 82 kes, Putrajaya dengan 23 kes, manakala Perlis merekodkan lima kes baharu," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, terdapat 24 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 15 kluster tempat kerja, tujuh kluster komuniti dan dua kluster pusat tahanan.

"Kluster tersebut ialah Kluster Industri Batu 46 (11 kes), Kluster Industri Jalan Bandar Lama (18 kes), Kluster Industri Jalan Selatuevan (sembilan kes), Kluster Industri Jalan Udang Galah (21 kes), Kluster Flora Blue Valley (22 kes) dan Kluster Industri Jalan 1/6 Gebeng (10 kes).

"Selain itu, Kluster Industri Ja-

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

| | Jumlah |
|-------------------------------|----------------|
| Kes Baharu | 5,793 |
| Import | 6 |
| Tempatan | 5,787 |
| Pulih | 8,334 |
| Kematian | 76 |
| Masih dirawat | 76,247 |
| Jumlah kes sembuh | 572,113 |
| Jumlah Kematian | 3,844 |
| Jumlah kes keseluruhan | 652,204 |

lan Haruan Enam (55 kes), Kluster Industri Taman Melur (68 kes), Kluster Jalan Perindustrian Bukit Minyak Tiga (sembilan kes), Kluster Perusahaan Baru Satu (22 kes) dan Kluster Jalan Pekeling Tanjung (43 kes)," katanya.

Dr. Noor Hisham berkata, kluster lain ialah Kluster Jalan Besar Simpang Renggam (19 kes), Kluster Jalan Lai Tet Loke (sembilan kes), Kluster Desa Pulau Rusa (25 kes), Kluster Dah Bukit Makmur (41 kes), Kluster Kampung Kubang Batu (19 kes) dan Kluster Kedai Ketereh (23 kes).

"Selebihnya ialah Kluster Kampung Sinar Budi Baru (23 kes), Kluster Melatai (45 kes), Kluster Kampung Baru Sipitang (23 kes), Kluster Indah (21 kes), Kluster Ambar Park (16 kes), Kluster Tembok Bukit Mertajam (26 kes) dan Kluster Jalan Bachok - Tok Bali (30 kes)," ujarnya.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEGARA

Penduduk kampung lain punca 1,000 gelang pink tidak cukup

TUMPAT – Kehadiran penduduk dari dua kampung lain menjadi punca bekalan 1,000 gelang merah jambu yang dihaskan untuk Kampung Kutan Tengah di sini tidak mencukupi.


Perkara itu sekali gus mencetuskan kemarahan penduduk kampung yang hadir ke pusat saringan Covid-19 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kutan di sini kelmarin.

Kampung Kutan Tengah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) bermula 11 Jun hingga 24 Jun ini selepas 75 kes positif direkodkan di kampung berkenaan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK), Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, pihaknya menyediakan kira-kira 1,000 utas gelang merah jambu di pusat saringan itu sejak kelmarin memandangkan bilangan penduduk di situ dianggarkan seramai 990 orang.

Bagaimanapun katanya, keadaan menjadi tidak terkawal apabila penduduk di dua kampung lain iaitu Kampung Kutan Hilir dan Kutan Hulu turut hadir ke pusat tersebut untuk menjalani ujian saringan.

"Sehingga hari ini seramai 1,198 penduduk telah hadir membuat ujian saringan. Daripada jumlah itu, 208 daripadanya ter-



TANGKAP layar luahan penduduk yang tidak berpuas hati gelang merah jambu tidak mencukupi di Kampung Kutan Tengah, Tumpat kelmarin.

diri daripada dua kampung yang tidak terbabit dengan PKPD.

"JKNK mempunyai senarai nama penduduk lokaliti Kampung Kutan Tengah. Apabila ramai penduduk hadir, kami tetap menjalankan ujian saringan sehingga menyebabkan gelang pink (merah jambu) tidak mencukupi," katanya ketika dihubungi pemberita semalam.

Zaini berkata, bagaimanapun, masalah itu telah diselesaikan dengan segera apabila JKNK telah menambahkan bilangan ge-

lang kuarantin.

Katanya, beliau terkilan apabila ada pihak yang membuat hantaran menerusi laman sosial mendakwa JKNK tidak serius dalam menjalankan proses ujian saringan sehingga perkara itu terjadi.

Terdahulu, tular satu hantaran di Facebook yang mendakwa pihak kesihatan tidak menyediakan kit ujian calitan dan gelang pink secukupnya, malah turut menuduh tidak serius dalam menangani PKPD di kawasan itu.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION/ NEWS

Highest ever daily recoveries

KUALA LUMPUR: Malaysia recorded its highest Covid-19 daily recoveries yesterday at 8,334.

The National Security Council said this raised cumulative recoveries to 572,113.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Malaysia logged 5,793 new cases, with local transmissions at 5,787.

Selangor contributed the most cases with 1,582, followed by Negri Sembilan at 618, Sarawak (569), Kuala Lumpur (559) and Johor (504).

Other states with three-figure cases were Sabah (378), Kelantan (337), Labuan (250), Perak (218), Penang (198), Melaka (178), Kedah (171) and Pahang (121).

Terengganu reported 82 cases followed by Putrajaya (23) and Perlis (five).

These brought the total number of cases to 652,204.

On fatalities, Dr Noor Hisham said 76 were recorded yesterday,

including a 101-year-old local woman, the oldest to die from Covid-19.

Up to yesterday, he said 914 patients were undergoing treatment in intensive care units, and 459 patients were under ventilator support. There are 76,247 active cases.

Fifteen out of 24 clusters detected yesterday involved workplaces.

He said the remaining seven clusters involved communities, while two others were at detention centres.

On the 15 workplace clusters, he said 382 cases were detected.

"Four clusters in Selangor were Industri Batu, Industri Jalan Bandar Lama, Industri Jalan Selathevan and Industri Jalan Udang Galah.

"Two clusters were detected each in Pahang (Flora Blue Valley and Industri Jalan 1/6 Gebeng), Negri Sembilan (Industri Jalan Haruan Enam and Industri Taman Melur), Penang, (Jalan Perindustrian Bukit Minyak Tiga

and Perusahaan Baru Satu cluster) and Johor (Jalan Pekeliling Tanjung and Jalan Besar Simfang Renggam).

"The ministry detected a cluster in Kuala Lumpur (Jalan Lai Tet Loke), Terengganu (Desa Pulau Rusa) and Kedah (Dah Bukit Makmur)."

On community clusters, he said three clusters were detected in Sabah, Kampung Baru Sipitang, Indah and Ambar Park.

"In Sarawak, two community clusters were detected, Kampung Sinar Budi Baru and Melatai.

"Two community clusters were found in Kelantan, Kampung Kubang Batu and Kedai Ketereh."

The clusters involving detention centres were detected in Penang and Kelantan.

He said Penang's Tembok Bukit Mertajam cluster recorded 26 cases, while the Jalan Bachok-Tok Bali cluster in Kelantan had 30 cases.

He said there were 761 active clusters up to yesterday.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 9
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY



Sungai Buloh Hospital director Dr Kuldip Kaur says her staff are sticklers for adherence to the SOP. PIX BY EFFENDY RASHID



Sungai Buloh Hospital director Dr Kuldip Kaur (centre) visiting the wards with a medical team on Friday.

SINCE JANUARY LAST YEAR

SUNGAI BULOH HOSPITAL STAFF SOLDIER ON

They're overwhelmed by the caseload, says director, but will 'fight to the end'

AZDEE AMIR
 SUNGAI BULOH
 news@nst.com.my

SUNGAI Buloh Hospital has probably seen it all. The public health facility took in the country's first Covid-19 patient more than a year ago, and since then, its staff have been at the forefront of the battle against the pandemic.

Through it all, its director, Dr Kuldip Kaur, 59, has been leading her staff, both medical and non-

medical, to stay strong and remain resilient, while hoping that people heed the government's call to follow the standard operating procedures (SOP) to flatten the curve of Covid-19 infections.

"There have been times when we were overwhelmed due to the massive number of cases.

"In fact, we have been feeling fatigued and stressed for quite some time because we have been working above and beyond our capacity.

"We have been coping the best we can, because we are in this fight together.

"What's important is to give the best care to patients and ensure that our resources are always above par, whether it is manpower, PPE (personal protective equipment), medication, reagents (used for laboratory testing) or oxygen supply," she

said.

Speaking to the *New Sunday Times*, Dr Kuldip, who has been in the public healthcare service for 29 years, said she and her team ensured that every staff member was given training by the Infection Control Team and adhered to the SOP.

"What's important is to make sure that everyone who works at the hospital — from specialists to cleaners and security guards — is in good health mentally, emotionally and physically.

"To do this, we allow them to have rest days and allocate spaces (on the premises) where they can rest between their shifts.

"We provide a psychological support team for them to reach out if they feel overwhelmed and are struggling to get by.

"At the end of the day, we are all humans and have different levels of managing stress.

"Our breaking points differ from one person to another," said Dr Kuldip, who is from Ipoh.

As the hospital's director, she said she adopted a hands-on approach in the management of the hospital, where her door was always open to all her staff.

"I make it a point to see my staff and engage with them every day to find out how they are doing and if they need help.

"While doing this, I need to ensure that they stay motivated and do all they can to save lives, especially during these challenging times."

With the influx of patients, she said she and her colleagues had to make changes to the way the hospital was operating to cope.

"We opened up new wards at the hospital, including in non-ward areas, to accommodate oxygen supply.

"We converted these spaces into wards and increased the hospital's bed capacity to primarily

accommodate those who require oxygen.

"To do this, we mobilised internal staff from other departments to assist in all areas involving Covid-19 patients.

"Staff from the medical records department, for example, voluntarily worked additional hours to set up more wards.

"We placed outpatient clinics on hold to ensure that human resources are fully utilised for the treatment of Covid-19 patients, which is our priority now."

She said staff who worked on the treatment of Covid-19 patients were on a daily three-shift system to ensure they got enough rest.

"We have prepared a pool of back-up staff and a contingency plan, in case any of us gets infected.

"This is because our hospital deals with serious and complex cases of Covid-19 infections, so it's important for us to be prepared for eventualities.

"Because of this, all of us are sticklers for SOP adherence and other safety aspects.

"We cannot afford to have an outbreak among staff and personnel."

She became the hospital's di-

rector in September 2019 after serving as Kuala Lumpur Hospital's deputy director.

As part of the initiatives to ensure that staff and personnel remained healthy and safe, she said she made it a point to ensure that all staff and personnel received their vaccinations.

"Our hospital treated the country's first Covid-19 case, and we have been fighting the pandemic since January last year.

"To be brutally honest, all of us are exhausted, but we will not give up and will continue to fight to the end.

"We must ensure that we can provide all patients with high quality care and treatment.

"I have to say that we have been able to do this because of our wonderful teamwork, mutual respect, understanding, compassion and great appreciation for one another.

"Covid-19 is not a fictional story. It is real.

"So please, let us all work together and play our part to win against this wretched pandemic and get our lives back to normal.

"We can beat this, because Malaysians are always committed to a life-saving cause and they persevere."



Sungai Buloh Hospital staff tending to a patient in a Covid-19 ward.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 10
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY



A DAY IN COVID-19 ICU



EFFENDY RASHID

SUNGAI BULOH
 news@nst.com.my


THE Intensive Care Unit for Covid-19 patients at Sungai Buloh Hospital was previously a Burn Care Unit.

Now, it accommodates Stages 4 and 5 Covid-19 patients who are in critical condition and require breathing assistance.

At its entrance, a *doa* (prayer verse) greets people, who are limited to 30 doctors and nurses making their daily rounds and attending to the patients in full personal protective equipment.

The *New Sunday Times* was given access to the ICU ward on level five, which accommodated 10 patients.

Many of the patients are under a medically induced coma to help them recover faster.



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY



1 A Covid-19 patient being treated in Sungai Buloh Hospital's temporary Intensive Care Unit (ICU) on Friday. Due to the high number of critical care admission, the hospital has turned its Burn Care Unit into an ICU for Covid-19 patients.

2 Nurse Nur Yazwanie Jamaludin preparing medicine for Covid-19 patients.

3 Nurses on duty at the temporary ICU for Stages 4 and 5 Covid-19 patients.

4 A frontliner makes a plea to Malaysians to stay home to break the chain of infections.

5 Nurses attending to a patient in critical condition.

6 Nurse Diana Asmuni helping a patient write a note to his wife.

7 Health workers in the ICU asking Malaysians to stay home.

8 Head nurse Junaini Johari checking on a patient who lies on his stomach to help him breathe better in the ICU.

9 Nurse Suraida Mohd Daud holding a blood sample of a Covid-19 patient.



AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Two with no recorded conditions among 76 dead

PETALING JAYA: Two people in their 30s with no recorded medical conditions were among 76 new Covid-19 fatalities.

This brought the country's total coronavirus death toll to 3,844, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

The deaths involved a 31-year-old man in Labuan and a 36-year-old woman in Negri Sembilan.

Dr Noor Hisham said there were more recoveries yesterday at 8,334 cases. New infections stood at 5,793. This is the fifth day in a row where recoveries overtook new cases.

"There were 76 deaths involving 27 cases in Selangor, nine each in Kuala Lumpur and Negri Sembilan, eight in Johor, five each in Sabah and Melaka, four cases in Sarawak, three in Kelantan, two in Kedah, and one each in Penang, Perak, Pahang and Labuan," he added.

All fatalities were Malaysian.

Selangor remains the highest on the list of new daily Covid-19 cases at 1,582, followed by Negri Sembilan (618), Sarawak (569), Kuala Lumpur (559), Johor (504) and Sabah (378).

Cases elsewhere are Kelantan (337), Labuan (250), Perak (218), Penang (198), Melaka (178), Kedah (171), Pahang (121), Terengganu (82), Putrajaya (23) and Perlis (five).

There were also six new imported cases – four of whom are citizens and two non-citizens.

The total Covid-19 cases in Malaysia stood at 652,204, while 572,113 people have recovered.

The number of active cases now stands at 76,247. Of this, 914 are in intensive care while 459 require ventilator support.

Twenty-four new Covid-19 clusters were also reported, bringing the total active clusters to 761.